



## SIARAN AKBAR

### FOREST RUN 2024 BERSEMPENA DENGAN HARI HUTAN ANTARABANGSA

**Bandar Seri Begawan,**

**Hari Ahad, 8 Jamadilawal 1446 / 10 November 2024**

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perhutanan dan Syarikat TN9 Event and Apparel telah mengungkayahkan acara larian Forest Run 2024 bersempena dengan Hari Hutan Antarabangsa yang berlangsung di Taman Rekreasi Hutan Berakas, Mukim Berakas.

Hadir selaku Tetamu Kehormat acara dan turut sama menyertai larian ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Turut hadir pada acara tersebut ialah Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Mulia Awang Haji Yusree bin Haji Junaidi dan Yang Mulia Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim, Timbalan – Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Ketua-Ketua Jabatan dan Bahagian, Pegawai-Pegawai Kanan dari Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan 250 peserta yang terdiri daripada orang awam yang menyertai acara larian tersebut.

Acara dimulai dengan sesi pemanasan badan dan diikuti dengan pelepasan acara berkenaan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mengikut kategori, iaitu kategori 3KM Walk & Hike dan kategori 4KM Race, Walk & Hike.

Dalam memeriahkan lagi acara tersebut, beberapa pameran daripada Jabatan Perhutanan juga turut disediakan mengenai industri perkayuan, pengurusan hidupan Liar, mengenai penguatkuasaan undang-undang, taman-taman rekreasi hutan, dan maklumat tentang aktiviti-aktiviti pemuliharan hutan dan inisiatif menangani perubahan iklim. Beberapa pameran yang berunsurkan kebudayaan dan cara hidup yang berunsurkan alami dan hutan juga telah diadakan dan dipersembahkan oleh Pakatan Sang Jati Dusun dan Persatuan Murut.

Larian ini diadakan adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi kesedaran tentang kepentingan sumber alam, pemuliharaan hutan dan memupuk semangat cintakan alam semula jadi serta memupuk gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat. Penglibatan masyarakat dalam inisiatif seperti ini amat penting untuk memastikan kejayaan dalam melindungi khazanah alam semula jadi kita, di samping memperkuuh kesedaran bahawa tanggungjawab menjaga alam sekitar adalah tanggungjawab bersama.

**-TAMAT-**

**Disediakan oleh:**

**Jabatan Perhutanan**

**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**

**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh: 7 November 2024H / 5 Jamadilawal 1446M.**